

# Isu banjir kilat perlu perhatian segera

S.H 23/7/08 Ma 14

“Kadangkala air banjir akan melimpah masuk sampai ke kawasan kedai dan menyebabkan banyak kerosakan.”

■ ALANG AZIZAH MOKHTAR

**KLANG** - Isu banjir kilat bukan masalah baru bagi penduduk dan peniaga di kawasan Sungai Rasau di sini, tetapi mereka masih berharap masalah tersebut akan dapat diselesaikan pada masa akan datang.

Ini kerana setiap kali hujan lebat, kawasan itu akan dinaiki air dan ia kerap mendatangkan masalah serta menjejaskan kualiti hidup dan perniagaan mereka.

Pada awal bulan lalu, kawasan tersebut dilanda banjir kilat yang agak serius yang mana hujan lebat sejak pukul 5 pagi mengakibatkan beberapa kawasan dinaiki air dan ia tidak boleh dilalui kenderaan menyebabkan kesesakan lalu

lintas berlaku di persimpangan Bukit Raja dekat sini, selain penduduk dan peniaga mengalami banyak kerugian kerana kerosakan harta benda.

Hujan lebat tidak sampai 30 minit kira-kira jam 10 pagi semalam pula turut menyebabkan orang ramai risau kejadian sama berulang, tetapi mereka bernasib baik kerana hujan tidak berterusan, bagaimanapun banjir kilat tetap berlaku.

Seorang peniaga yang hanya mahu dikenali sebagai Lim berkata, mereka selalu risau setiap kali hujan lebat kerana bimbang kedainya akan ditenggelami air.

“Hujan sekejap sahaja air sudah mula melimpah. Kalau tiba musim hujan, hati kami selalu tidak senang kerana bimbang kedai akan dinaiki air.

“Kadangkala air banjir akan melimpah masuk sampai ke kawasan kedai dan menyebabkan banyak kerosakan,” katanya.

Tambahnya, ia bukan perkara baru kerana sudah belasan tahun berlaku, tetapi sehingga kini masalah tersebut tidak dapat diselesaikan walaupun pihak penduduk dan peniaga di sini sudah kerap membuat aduan.

“Dari dulu kata mahu ambil tindakan, tetapi sehingga kini masih tiada apa-apa perubahan, namun kita semua masih bersabar dan berharap satu hari nanti masalah ini akan dapat diselesaikan walaupun mengambil masa.

“Kita amat berharap pihak-pihak yang bertanggungjawab mengendalikan perkara ini akan dapat membantu kami menyelesaikannya kerana jika tidak, kami semua akan hidup dalam kerisauan setiap hari terutamanya pada musim hujan,” jelasnya.

Selain itu, air banjir yang terlalu kotor turut mendatangkan kebimbangan penduduk dan peniaga di kawasan itu kerana mereka mendakwa air



Banjir kilat sering berlaku setiap kali hujan lebat di kawasan ini.

banjir yang melimpah di kawasan mereka berwarna hitam dan mengesyaki ada sebuah kilang mengambil kesempatan

melepaskan sisa-sisa bahan kilang mereka sewaktu hujan.

“Kami tidak pasti me-

ngenai perkara ini namun kami banyak menerima aduan orang ramai dan peniaga lain di kawasan ini,” katanya.